


SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.



Tel : 03-5514 2134 (Terus)
: 03-5544 7043
: 03-5544 7045
Fax : 03-5510 3062

‘KEJUJURAN DAN KETEKUNAN’
‘PRODUKTIVITI TINGGIAMALAN KITA’

Ruj. Tuan : (21)dm.IPK.Sel.
Ruj. Kami : 20279/7/2 Jld.7
Tarikh : Jamadiilakhir 1431 H
14 Jun 2010

Semua Ketua Jabatan/Agenси Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbalan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha, Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan

SURAT HEBAHAN SUK BIL. 20 TAHUN 2010


MEREKOD/MENGEMASKINI MAKLUMAT PELANTIKAN DAN KELULUSAN KOS PERUNDING BAGI PEROLEHAN-PEROLEHAN KERAJAAN DI DALAM SISTEM E-PERUNDING


Dengan segala hormatnya dilampirkan sesalinan surat yang saya terima daripada Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 12 Mei 2010 mengenai perkara di atas.

2. Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sekalian diminta mengambil perhatian akan para **2 hingga 9** surat berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATO' RAMLI BIN MAHMUD)



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
(Ministry of Finance Malaysia)
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUTRAJAYA 62592 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8882 3000
Cable : TREASURY, KL
Telex : FEDTRY MA 32369
Fax : 03-8882 4352

Web : <http://www.treasury.gov.my>
S/K.KEW/PK/P/9999/0000
00/165/32 Jilid 2 S.K 2 (8)
12 Mei 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkunun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan
Semua Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Dr/Tuan/Puan,

**MEREKOD/MENGEMASKINI MAKLUMAT PELANTIKAN DAN KELULUSAN
KOS PERUNDING BAGI PEROLEHAN KERJAAN DI DALAM
SISTEM E-PERUNDING**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Dimaklumkan bahawa, Kementerian Kewangan telah membangunkan sebuah sistem aplikasi secara *online* iaitu Sistem ePerunding bagi tujuan:
 - i. Merekod maklumat pelantikan dan kelulusan kos perunding bagi projek/kajian Kerajaan; dan
 - ii. Permohonan pelantikan dan kelulusan kos perkhidmatan perunding secara *online*.
3. Semua Agensi/Badan Berkunun/Syarikat Kerajaan adalah dikehendaki menggunakan Sistem ePerunding tersebut bagi melaksanakan tanggungjawab seperti berikut:
 - i. Mengemas kini maklumat lantikan dan kelulusan kos perunding mulai 1 Januari 2007 sehingga 31 Disember 2009 bagi semua projek/kajian Kerajaan; dan
 - ii. Merekod lantikan-lantikan dan kelulusan kos yang terbaru sepanjang tahun 2010 mulai 1 Januari 2010 bagi semua projek/kajian Kerajaan.
4. Bagi sistem permohonan secara *online* (sebagaimana dinyatakan di para 2 (ii) di atas), modul tersebut akan dilaksanakan secara berfasa terlebih dahulu bagi menangani masalah/ralat dengan lebih teratur dan berperingkat. Selubungan itu, Fasa Pertama bagi permohonan secara *online* melalui Sistem ePerunding ini hanya akan bermula dengan 2 pilot Agensi iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Sebaik sahaja tempoh pilot bersama dengan JKR dan KPM tamat dan semua penambahbaikan telah dibuat, permohonan secara *online* melalui Sistem ePerunding ini akan kemudian dilancarkan untuk penggunaan Agensi/Badan Berkunun/Syarikat Kerajaan yang lain (selain dari JKR dan KPM) dengan penghujung tahun 2010 ini.

1
DATO' RAMLY MAHMUD
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
SELANGOR.
(Sila nyatakan rujukan Bahagian ini apabila berhubung)

5. Adalah diingatkan bahawa, kemasukan maklumat bagi pelantikan dan kelulusan kos perunding bagi projek-projek Kerajaan melalui Sistem ePerunding adalah diwajibkan bagi semua Agensi/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan.
6. Untuk maklumat Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Dr/Tuan/Puan, semua maklumat yang telah diisi sebelum ini melalui Sistem Maklumat Beban Kerja Perunding (SMP) akan dimuatnaik ke dalam Sistem ePerunding. Walau bagaimanapun, maklumat-maklumat yang telah dimuatnaik ke dalam Sistem ePerunding masih perlu dikemaskini memandangkan terdapat beberapa field baru di dalam Sistem ePerunding yang perlu dilengkapkan oleh Agensi/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan. Kerjasama daripada Agensi/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan untuk melengkapkan *field-field* baru di dalam Sistem ePerunding adalah penting kerana *field-field* tersebut merupakan *mandatory field* dan perlu diisi sebelum permohonan secara *online* boleh diguna pakai kelak.

7. Sehubungan itu, bagi membolehkan pihak Y. Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr/ Tuan/ Puan mengemaskini maklumat-maklumat lantikan dan kelulusan kos perunding sepanjang tahun 2007 sehingga 2010, Kementerian ini telah sementara waktu '*disable/kan semua mandatory field* di dalam Sistem ePerunding sehingga Jun 2010. Oleh itu, semua Agensi/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan dipohon agar dapat melaksanakan tanggungjawab seperti di para 3(i) di atas sebelum 30 Jun 2010.

8. Borang Permohonan ID dan Kata Laluan bagi mengakses Sistem ePerunding boleh diperolehi melalui laman web Sistem ePerunding di <https://eperunding.treasury.gov.my/v1/>.

9. Dengan kuat kuasanya surat ini, Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) berikut adalah terbatas dengan serta-merta :

- i. SAP bertarikh 12 Februari 2010;
- ii. SAP bertarikh 17 Jun 2009;
- iii. SAP bertarikh 11 Februari 2009;
- iv. SAP bertarikh 28 Ogos 2007; dan
- v. SAP bertarikh 24 Mei 2007

Sekian, terima kasih.

“**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,


DATO' FAUZIAH BT YAACOB
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k

Y. Bhg. Tan Sri KSP
Semua wakil KSP di dalam Lembaga Perolehan 'A' Agensi/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan